



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

5 OGOS 2019

KENYATAAN MEDIA

PEMBUANGAN TONG BERISI CECAIR DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI SUNGAI JANG, KERLING, HULU SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima laporan mengenai kejadian pembuangan tong berisi cecair di perkampungan orang asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor pada 03 Ogos 2019 jam 7.39 pagi (Sabtu) yang lalu daripada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Operasi bersepadu dijalankan LUAS, MDHS, Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM). Siasatan mendapati terdapat 112 tong berisi cecair yang tidak dapat dikenalpasti diletakkan berhampiran anak sungai tidak bernama yang mengalir ke Sungai Jang. Walaubagaimanapun, tiada cecair yang masuk ke dalam sungai yang mana jarak dari lokasi kejadian ke LPA Rantau Panjang adalah dalam 52 kilometer (KM). Pihak LUAS telah memasang condone tape pada kesemua tong-tong berkenaan di lokasi kejadian.

Hasil siasatan mendapati pemilik tong berkenaan adalah merupakan seorang pemilik kebun tanam sayur berdekatan di kawasan tersebut. Pihak MDHS telah memberikan 2 notis kesalahan kepada pemilik tong tersebut. Siasatan lanjut mendapati tong-tong tersebut diedar oleh sebuah kilang yang bertempat di Kg. Sg. Dara, Behrang Ulu, Perak Darul Ridzuan. Pihak MDTM telah mengeluarkan notis kesalahan. JAS telah mengarahkan pemilik kilang tersebut untuk menguruskan tong-tong tersebut mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan jauh daripada sungai.

Sehingga hari Ahad (4 Ogos 2019), tong-tong di lokasi kejadian telah dihantar semula ke kilang yang terlibat. Pemantauan di lokasi kejadian masih diteruskan oleh LUAS dan pihak yang terlibat.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR